KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	2/1/2022 (AHAD)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPN PAHANG			

Kebenaran keluar balak, kayu dikaitkan dengan Azemi

JPNP tarik semula kelulusan

Kuala Lumpur: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengesahkan kelulusan kebenaran mengeluarkan balak dan kayu di tanah milik yang dikaitkan dengan bekas Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Datuk Seri Azemi Kasim sudah ditarik semula.

Pengarahnya, Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata video ditularkan yang memaparkan Azemi sebagai pelesen itu adalah video lama pada September tahun lalu yang disebarkan kembali.

Beliau berkata, JPNP tidak menerima sebarang maklumat ada aktiviti pembalakan di kawasan itu sekarang.

"Ia video lama yang mana aktiviti itu berlaku dalam tanah milik dan JPNP hanya berikan kebenaran untuk beliau mengeluarkan balak dan kayu.

"Namun, kami sudah menarik semula kelulusan kebenaran mengeluarkan balak dan kayu itu serta menggunakan hutan simpan sebagai laluan," katanya kepada *BH*, di sini, semalam

Melalui video dengan durasi seminit 36 saat itu, ia memaparkan aktiviti pembalakan dengan seorang wanita mempertikaikan mengenai individu bernama Datuk Seri Azemi Kasim sebagai pelesen.

Pada masa sama, Mohd Hizamri berkata, isu pembalakan di kawasan hutan simpan Lentang yang ditularkan sebenarnya adalah kawasan lesen pembersihan hutan berstatus tanah milik yang terletak dalam daerah Bentong dengan keluasan kira-kira 3.59 hektar.

Beliau berkata, kawasan lesen ini pernah ditularkan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) pada 30 Oktober lalu berkaitan pencemaran Sungai Kenoi berhampiran sebuah resort akibat aktiviti pembinaan jalan pengeluaran ke kawasan lesen ini.

"JPNP yang meluluskan lesen ini pada 15 Oktober 2020 kemudian mengambil tindakan menghentikan kerja sementara kepada pelesen pada 30 Oktober 2020.

"Selepas mengambil kira beberapa faktor, jabatan mengambil keputusan membatalkan lesen pengeluaran balak bagi kawasan lesen ini.

"Bagaimanapun, pelesen masih boleh melaksanakan aktiviti tebangan pokok kerana kawasan ini berstatus tanah milik," katanya.

Beliau berkata, JPNP juga menasihatkan pelesen sentiasa mengambil langkah keselamatan ketika proses penebangan bagi mengelak bencana tidak diingini.

> "Kami sudah menarik semula kelulusan kebenaran mengeluarkan balak dan kayu itu serta menggunakan hutan simpan sebagai laluan"
>
> ***Mohd Hizamri Mohd Yasin,*** *Pengarah JPNP*



BH 2.1.2022_14